



MY SEKINCHAN PUSARA

45400 SEKINCHAN SELANGOR DARUL EHSAN

MASJID PEKAN SEKINCHAN



: masjidpekansekinchan.com



: 010-8691349

Web : Sistem Mypusara (www.masjidpekansekinchans.com)

SYARAT-SYARAT TANAH PERKUBURAN ISLAM

MASJID PEKAN SEKINCHAN

BIRO KHAIRAT KEMATIAN
MASJID PEKAN SEKINCHAN
(BKKMPS)

2024 / 1445H

SYARAT-SYARAT

1. Waris hendaklah **MEMBERITAHU** lebih awal tentang kematian yang berlaku kepada Unit Pengurusan Kubur Masjid Pekan Sekinchan untuk persediaan awal kepada jenazah.
2. **WAKTU** pengebumian adalah daripada jam **8.00 pagi hingga 6.00 petang setiap hari**. Pengebumian diluar waktu operasi hanya akan dijalankan berdasarkan kes-kes tertentu sahaja dengan kebenaran pihak **Berkuasa Tempatan, Polis atau nasihat Pegawai Kementerian Keishatan**.
3. Pihak waris **BERTANGGUNGJAWAB** mendapatkan permit pengebumian daripada pihak berkuasa sebelum membuat tempahan kubur.
4. Waris **WAJIB** mengisi Borang Permohonan Pengebumian Jenazah dan menyerahkan Sijil Daftar Kematian/Permit mengubur asal untuk semakan.
5. Waris hendaklah membuat bayaran mengikut **KADAR** bayaran pengurusan pengebumian yang telah ditetapkan dan memaklumkan kepada pihak pengurusan setelah bayaran dibuat.
6. Permohonan proses pengebumian pada waktu malam, waris perlu memaklumkan terlebih dahulu sebelum jam 5.00 petang dan perlu mendapat **KEIZINAN** daripada pegawai yang diberi kuasa bagi mendapat kebenaran dibawa ke tanah perkuburan.
7. Waris **DILARANG** mengadakan sebarang upacara yang menyalahi syarak didalam kawasan perkuburan, lakukan aktiviti bersama masyarakat memfokus kepada memperingati kepada mereka yang sudah “pergi”.
8. Mengurangkan filem atau drama yang memaparkan isu yang negatif tentang kubur dan lain-lain perkara berkaitan.
9. Pihak pentadbir berhak **MENOLAK** permohonan sekiranya syarat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan gagal dipatuhi.

10. Waris **PERLU** mengisi Borang Permohonan Binaan Kepungan Pusara bagi membuat binaan kepungan pusara dan mengisi Borang Akuan Janji bagi mematuhi Peraturan Binaan Kepungan Pusara dan Pokok Hiasan yang telah ditetapkan, binaan juga tahan terhadap risiko bencana alam.
11. Waris **DILARANG** menanam sebarang pokok yang tidak dibenarkan dan **DILARANG** untuk membuat binaan pusara sendiri. Sebarang reka bentuk kerusi atau seumpamanya tanpa kelulusan pihak pengurusan. Sekiranya berlaku, Pihak Pengurusan Kubur Masjid Pekan Sekinchan mempunyai kuasa untuk memberi notis agar binaan pusara itu dibuka semula atau pihak pengurusan akan mengambil tindakan membuka binaan pusara dan melupuskan binaan tersebut.
12. Waris **tidak boleh mempersoalkan syarat-syarat** yang telah ditetapkan kerana ini sebahagian syarat-syarat yang termaktub di dalam **Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam Masjid Pekan Sekinchan 2024**.

